

**NO SOALAN :48**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM  
(KUBANG PASU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 02.04.2015**

**Y.B. DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM [ KUBANG PASU ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang kedudukan rezab kewangan negara dalam 5 lima tahun lalu, apakah negara kita mampu bertahan dengan ekonomi dunia yang semakin merosot sedangkan Malaysia banyak bergantung kepada pengukuhan ekonomi negara AS, EU, Jepun dan China. Apakah jangkaan KDNK Malaysia untuk tahun 2015 dan apakah jangkaan 2016 serta kesan kepada indeks Harga Pengguna (CPI) untuk tahun 2015 dan 2016.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan terkini rizab antarabangsa negara adalah berjumlah RM386 bilion atau USD110.5 bilion pada 27 Februari 2015 berbanding lima tahun lalu sebanyak RM328.7 bilion atau USD106.5 bilion pada tahun 2010. Paras rizab yang terkini adalah stabil kerana mampu membiayai 7.9 bulan import tertangguh dan 1.1 kali lebih tinggi daripada hutang luar negeri jangka pendek.

2. Sebagai sebuah ekonomi terbuka yang berhadapan dengan persekitaran luar yang kian mencabar, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar terus berkembang 6% bagi keseluruhan tahun 2014. Pada masa yang sama, prestasi perdagangan luar juga kekal menggalakkan dengan peningkatan jumlah perdagangan negara sebanyak 5.9% kepada RM1.45 trilion, di mana eksport telah berkembang 6.4% manakala import pula 5.3%. Prestasi yang memberangsangkan ini adalah berikutan rakan niaga yang terdiri daripada negara sedang pesat membangun di rantau Asia dan prospek pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat yang semakin baik, walaupun pertumbuhan ekonomi EU, Jepun dan China dijangka lebih perlahan.

3. Kesan daripada pertumbuhan ekonomi EU, Jepun dan China yang perlahan kepada Malaysia adalah minimum. Ini adalah berikutan kepelbagaian produk dan pasaran eksport Malaysia. Pertumbuhan eksport negara diterajui oleh barang sektor pembuatan, terutamanya barang elektrik dan elektronik yang sedang berkembang pesat terutamanya di pasaran Hong Kong, Amerika Syarikat dan China.

4. Dalam usaha memastikan prestasi eksport negara kekal kukuh, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Eksport Negara (NEC) pada 17 Disember 2014 bagi mempergiat dan meningkatkan eksport negara. Antara aspek yang akan diberi tumpuan oleh NEC adalah rantaian produk, logistik dan eko-sistem eksport.

5. Selain dari sumbangan eksport kepada KDNK, kerancakkan aktiviti ekonomi domestik telah menyokong pertumbuhan ekonomi secara keseluruhannya. Bagi mengurangkan kesan ketidaktentuan global dan kejatuhan harga minyak, Kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah pada 20 Januari 2015 bagi merancakkan eksport barang dan

perkhidmatan serta meningkatkan penggunaan dan pelaburan swasta. Kerajaan yakin dengan pelbagai inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan, ekonomi Malaysia dijangka terus berkembang antara 4.5% dan 5.5% pada 2015 dan dijangka terus kukuh pada tahun 2016 dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK-11).

6. Berhubung dengan Indeks Harga Pengguna (IHP), ia diunjurkan lebih rendah antara 2% dan 3% bagi tahun 2015 berbanding 3.2% pada tahun 2014. Kadar inflasi ini disebabkan oleh harga komoditi global terutamanya bahan api dan komoditi makanan yang lebih rendah. Penurunan harga minyak mentah global dengan jangkaan Dated Brent sebanyak USD55 setong pada tahun 2015 (2014: USD98.90 setong) akan menyebabkan harga runcit petrol dan diesel dalam negeri yang lebih rendah menerusi mekanisme penentuan harga apungan terurus bagi bahan api yang dilaksanakan sejak Disember 2014. Di samping itu, harga komoditi global yang lebih rendah akan mengimbangi kesan peningkatan harga import berikutan penyusutan nilai ringgit baru-baru ini.